



**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA**

JABATAN PERDANA MENTERI  
ARAS -1, 1 & 2 BLOK B7  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Telefon: 03-8872 6000  
Fax : 03-8888 3258  
Web : www.cgso.gov.my

Ruj Kami :KPKK(R) 100-1/5/4 ( 17 )

Tarikh : 9 Julai 2014

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

**Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Berkanun**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN KESELAMATAN MELINDUNGI ASET KERAJAAN SEMASA CUTI  
HARI RAYA AIDILFITRI 2014**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana maklum rakyat Malaysia akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 28 dan 29 Julai 2014. Sempena perayaan tersebut berkemungkinan ramai penjawat awam akan mengambil kesempatan untuk bercuti rehat beberapa hari sebelum dan beberapa hari selepas sepanjang minggu tersebut. Untuk memastikan keselamatan aset-aset kerajaan sentiasa selamat dan dilindungi daripada sebarang risiko yang tidak diingini, semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan penjawat awam adalah diingatkan supaya sama-sama bertanggungjawab terhadap Keselamatan Perlindungan di persekitaran tempat kerja di agensi masing-masing.

.../2



**'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'**

3. Langkah-langkah keselamatan untuk melindungi aset kerajaan perlu dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan tegas mengikut keperluan Akta, peraturan, prosedur dan Arahan Keselamatan berkaitan. Di samping itu, langkah-langkah khas berikut hendaklah juga diperingatkan dan dilaksanakan di agensi masing-masing meliputi:

- 3.1. Semua **Pegawai dan kakitangan** perlu **bersama-sama bertanggungjawab** dan **memastikan persekitaran tempat kerja** berada dalam keadaan baik dan selamat;
- 3.2. Semua Pegawai dan kakitangan perlu **log off komputer, printer, suis dimatikan, pemacu cakera dikosongkan, peranti mudah alih disimpan dan dikunci dengan selamat** mengikut peraturan keselamatan ditetapkan;
- 3.3. **Aset alih khususnya dokumen penting dan dokumen rahsia rasmi disimpan dan dikunci dalam peti-peti keselamatan** mengikut arahan-arahan keselamatan yang ditetapkan;
- 3.4. Bangunan, **pejabat, bilik-bilik pegawai, bilik fail, stor, pusat data, pintu, tingkap** dan sebagainya dipastikan ditutup dan **dikunci dengan selamat**;
- 3.5. Semua **lampu, penyaman udara, peralatan elektrik dan elektronik, suis punca kuasa dan sebagainya yang tidak digunakan ditutup** bagi mengelakkan kebakaran;
- 3.6. Peralatan-peralatan dan sistem keselamatan fizikal seperti **CCTV, Kad Akses, Penggera Ceroboh, Penggera Kebakaran dan sebagainya** di selenggara dan dipastikan **berfungsi dengan baik** ;
- 3.7. Anggota Pengawal keselamatan yang bertugas perlu **bersiap siaga, melaksanakan tugas rondaan, kawalan dan pemantauan teliti serta melaporkan sebarang insiden atau kegiatan yang mencurigakan** mengikut *Standard Operation Procedure (SOP)* yang ditetapkan;
- 3.8 **Peralatan komunikasi** anggota Pengawal keselamatan hendaklah di selenggara bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik untuk kemudahan perhubungan jika berlaku kecemasan;

- 3.9 Semua kerja **penyelenggaraan dan pembangunan** yang akan dilaksanakan **dalam tempoh cuti tersebut** telah **mendapat kebenaran** pihak berkuasa agensi dan dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak keselamatan untuk **pemantauan rapi**; dan
- 3.10 Mana-mana pihak yang **tidak patuh atau gagal melindungi aset kerajaan yang menyebabkan risiko keselamatan** boleh diambil **tindakan tegas** mengikut keperluan Akta berkaitan atau dikenakan **tindakan tatatertib sewajarnya**.

4. Besarlah harapan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dan semua penjawat awam dapat sama-sama bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan keselamatan perlindungan melindungi aset kerajaan di agensi masing-masing semasa tempoh cuti perayaan tersebut.

Sekian, terima kasih, jua.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HAJI JOHARI BIN HAJI JAMALUDDIN)  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

s.k.:

**YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa**  
Ketua Setiausaha Negara

**YBhg. Tan Sri Mohd Zabidi Bin Zainal**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

**YBhg. Datuk Othman Bin Haji Mahmood**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri